

Bahang panas sedarkan mangsa kebakaran

KUALA LUMPUR 30 Mei - Seorang penduduk rumah setinggan berhampiran Bulatan Segambut di sini hanya menyedari rumahnya terbakar semasa dia sedang tidur dan terasa bahang panas, pagi ini.

Dalam kejadian pukul 8 pagi itu, empat buah rumah setinggan di kawasan tersebut musnah dalam kebakaran.

Yong Wai Yan, 21, berkata, semasa kebakaran dia sedang tidur sebelum terjaga kerana berasa panas.

"Saya berasa panas dan sesak nafas kerana asap, apabila terjaga baru tahu rumah telah terbakar dan saya mungkin menjadi mangsa jika lambat menyelamatkan diri."

"Saya tidak sempat menyelamatkan barang berharga termasuk wang tunai sebanyak RM10,000," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Sentul, Khadiron Md. Drah memberi tahu pihaknya mengambil masa selama 30 minit untuk mengawal dan memadam api.

○ "Siasatan masih berjalan punca kebakaran dan nilai kerugian keseluruhan masih dalam siasatan."

"Berikutnya kejadian itu, dianggarkan seramai 15 penduduk hilang tempat tinggal selepas rumah mereka musnah," katanya.